

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SYARIKAT RODAWIRA OTOMOBIL SDN BHD  
JALAN HILIRAN, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

OLEH

ROBERT SAM A/L KRISHNAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2004



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SYARIKAT RODAWIRA OTOMOBIL SDN BHD  
JALAN HILIRAN, KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU**

**ROBERT SAM A/L KRISHNAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN PEMASARAN**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**


**2004**

**i100044970**

Dengan ini saya ROBERT SAM A/L KHRISHAN

Mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : ROBERT SAM A/L KHRISHAN

Tarikh : 26 OKTOBER 2004.

Disahkan Oleh :

---

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

KUSTEM

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri bertujuan untuk menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman di luar kampus. Latihan industri juga melatih pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan yang sebenar.

Saya telah menjalani latihan industri di Syarikat Rodawira Otomobil Sdn Bhd yang terletak di 102H, Jalan Hilirin, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Syarikat Rodawira Otomobil Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pengedar sah kereta nasional di bawah Edaran Otomobil Nasional Berhad. Ia telah ditubuhkan pada tahun 1989 di Bandar Kuala Terengganu. Syarikat ini juga merupakan salah sebuah anak syarikat Sri Ms Group Companies. Syarikat ini ditubuhkan bertujuan menjual kereta nasional di bandar Kuala Terengganu untuk mendapatkan untung, di samping itu memenuhi keperluan pelanggan atau penduduk negeri Terengganu kerana kekurangan syarikat yang menjual kereta nasional.

Selain itu, syarikat ini juga mempunyai anak syarikat iaitu Syarikat Rodawira Otomobil Service Sdn Bhd yang mengendalikan perkhidmatan servis kereta proton. Syarikat ini didaftar di bawah EON Service. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1996 yang terletak di Jalan Kelantan, Simpang Tok Ku.

Sepanjang dua belas (12) minggu saya menjalani latihan industri ini, saya telah mendapat pelbagai manfaat. Saya telah ditempatkan di pelbagai jabatan antaranya ialah jabatan pentadbiran, jabatan operasi, jabatan pemasaran, dan jabatan perkhidmatan. Jabatan pemasaran merupakan tulang belakang dalam perkembangan syarikat ini, manakala jabatan – jabatan lain merupakan “penyokong” kepada syarikat tersebut.

Saya telah menganalisis setiap sistem yang terdapat di setiap jabatan di syarikat ini. Secara amnya boleh dikatakan sistem yang digunakan oleh syarikat tidak mencapai tahap yang optima. Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan yang telah dikenal pasti dari penggunaan sistem-sistem yang sedia ada di Syarikat Rodawira Otomobil Sdn Bhd dan juga Syarikat Rodawira Otomobil Service Sdn Bhd.

Hasil daripada analisis yang telah saya jalankan, saya dapat mengenal pasti masalah-masalah yang perlu diperbaiki. Beberapa cadangan telah saya kemukakan bagi mengurangkan masalah serta menyelesaikan masalah yang wujud dalam sistem-sistem digunakan dalam Syarikat Rodawira Otomobil Sdn Bhd dan Syarikat Rodawira Otomobil Service Sdn Bhd walaupun tidak sepenuhnya

Secara keseruluhan, sekiranya syarikat ini dapat mengatasi masalah-masalah yang wujud, maka ia dapat melicinkan sistem pentadbiran, operasi, pemasaran serta perkhidmatan dan dapat meningkatkan lagi prestasi syarikat.